

18/06/2001

Empat cadangan pulih dana amanah

KERAJAAN Johor sudah mengemukakan empat cadangan kepada kerajaan Pusat untuk memulihkan prestasi dana amanah yang diuruskan oleh kerajaan negeri berikutan kejatuhan nilainya yang berterusan.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, cadangan itu dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pertemuan kira-kira lima bulan lalu.

Beliau berkata, cadangan itu bukan saja membabitkan dana amanah yang diuruskan anak syarikat kerajaan Johor malah negeri lain yang turut terjejas berikutan kemelesetan ekonomi dan ia meliputi:

- * Menyuntik aset yang disenaraikan ke dalam dana amanah yang diurusniagakan;
- * Kerajaan Pusat memberi jaminan supaya harga dapat dikekalkan kepada paras RM1 seunit;
- * Memberi pinjaman RM1.4 bilion atau RM700 juta dalam bentuk tunai untuk disuntik dalam dana berkenaan dan;
- * Menstruktur semula pelaburan dana berkenaan melalui suntikan modal RM500 juta.

(END)